



## KENYATAAN MEDIA

---

### **TIDAK ADA PERMOHONAN UNTUK PENGANJURAN APOLOGY TOUR DI LIVE HOUSE KUALA LUMPUR - JOCELYN CHIA DAN CHRISSIE MAYR DITERIMA OLEH PUSPAL**

Agensi Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) sebuah unit bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menegaskan bahawa **tidak ada** menerima dan meluluskan permohonan persembahan Apology Tour di Live House Kuala Lumpur - Jocelyn Chia dan Chrissie Mayr.

Penafian ini dibuat susulan hantaran pemilik akaun Instagram @chrissiemarkypod serta tular di laman media sosial mengenai promosi persembahan Apology Tour di Live House Kuala Lumpur - Jocelyn Chia dan Chrissie Mayr yang dikatakan akan berlangsung pada 26 Ogos 2023 (Sabtu), bertempat di TREC Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa mana-mana kemasukan bagi artis luar negara atau penggambaran filem asing di Malaysia, permohonan perlu dikemukakan kepada PUSPAL bagi tujuan penilaian sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan. Sebarang hebahan dan promosi serta jualan tiket **tidak boleh dilakukan** sebelum memperolehi kebenaran penganjuran program daripada pihak berkuasa termasuklah surat kelulusan daripada PUSPAL.

Maklumat lanjut berkaitan garis panduan persembahan artis luar negara boleh didapati dengan melayari laman web [www.kkd.gov.my](http://www.kkd.gov.my) atau menghubungi PUSPAL di talian 03-89115355/5384 atau e-mel [puspal@kkd.gov.my](mailto:puspal@kkd.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Jawatankuasa Agensi Permohonan Penggambaran Filem Asing dan  
Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)  
Kementerian Komunikasi dan Digital**

26 Jun 2023